

**GAGASAN NASIONALISME MELAYU RAYA :
PERTUMBUHAN DAN PERKEMBANGANNYA**

ROSLAN BIN SAADON

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2007

**GAGASAN NASIONALISME MELAYU RAYA :
PERTUMBUHAN DAN PERKEMBANGANNYA**

Oleh

ROSLAN BIN SAADON

Tesis diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2007

PENGAKUAN

Saya akui bahawa penulisan ini adalah hasil kerja saya sendiri, kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

ROSLAN BIN SAADON
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh,
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA.
2007

Dedikasi khas buat:

*Allahyarham bapaku Saadon bin Awab,
Ibuku Insah bt. Sabtu.*

*Dan teman hidupku,
Serta cahaya mataku tercinta.*

Ingatan Tulus Ikhlas

Bismillahirrahmanirrahim.

Terlebih dahulu dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan kurnia dan inayat-Nya, maka penulisan tesis ini dapat diselesaikan.

Penghargaan yang tidak terhingga buat Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Abdullah selaku Penyelia Utama. Tunjuk ajar, nasihat, dan ilmu yang tuan curahkan amat tinggi nilainya dan bermakna bagi penulis. Begitu juga dengan Prof. Madya Dr. Hj. Mohd Isa bin Othman, Penyelia Bersama dan Prof. Madya Dr. Hj. Ahmad Jelani bin Halimi, Pengerusi Rancangan Sejarah, PPJJ serta Dr. Fadzlullah Jamil diucapkan jutaan terima kasih atas segala tunjuk ajar, nasihat dan bantuan yang diberikan.

Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Khusus buat Prof. Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, diucapkan terima kasih atas segala maklumat yang diberikan. Tidak ketinggalan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Hj. Abdul Rahman bin Daud, Presiden KGMMB, serta semua tokoh yang ditemuramah.

Ucapan terima kasih juga kepada Dekan, para pensyarah dan kakitangan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, USM atas segala khidmat dan sokongan yang diberikan. Tidak lupa kepada rakan-rakan yang sama-sama mengejar impian untuk memiliki sarjana terutamanya saudara Mohamad Muzammil, yang sentiasa mengambil berat akan perkembangan tesis penulis, saudara Abdul Said, saudara Rosli, serta rakan-rakan yang sentiasa membantu, diucapkan jutaan terima kasih. Buat teman hidup dan zuriatku, jutaan terima kasih atas kasih sayang, perhatian, bantuan dan sokongan yang diberikan. Aku amat menghargainya.

Tulus Ikhlas.
ROSLAN BIN SAADON
Universiti Sains Malaysia
2007

DAFTAR KANDUNGAN

	halaman
Pengakuan	ii
Dedikasi Khas	iii
Ingatan Tulus Ikhlas	iv
Daftar Kandungan	v
Senarai Bibliografi	viii
Senarai Lampiran	ix
Senarai Abreviasi	xi
Abstrak	xvi
<i>Abstract</i>	xvii

BAB 1 : PENGENALAN

1. 1 Latar Belakang dan Masalah Kajian	1
1.1.1 Sejarah Intelektual (<i>Intellectual History</i>)	1
1.1.2 Permasalahan Nasionalisme	4
1.1.3 Aliran-aliran Nasionalisme	17
1.2 Objektif Kajian	22
1.3 Metode dan Kepentingan Kajian	23
1.4 <i>Literature Review</i>	27
1.5 Skop dan Batasan Kajian	31
1.5.1 Alam Melayu	32
1.6 Sistematika Penulisan	41

BAB 2 : LATAR BELAKANG PENGARUH

2.1 Pengaruh Politik Indonesia	44
2.1.1 Budi Utomo	56
2.1.2 Sarekat Islam	59
2.1.3 <i>Indische Partij</i>	63
2.1.4 Parti Komunis Indonesia (PKI)	66
2.1.5 Partai Nasional Indonesia (PNI)	70
2.2 Pengaruh Kesusasteraan Indonesia	76
2.2.1 Balai Pustaka	76
2.2.2 Pujangga Baru	81
2.2.3 Sanusi Pane dan Armijn Pane	83
2.2.4 Muhammad Yamin	86
2.3 Muhammad Yamin dan Sumpah Pemuda 1928	91
2.4 Jose Rizal dan Gagasan Melayu Raya	100

BAB 3 : PERTUMBUHAN GAGASAN MELAYU RAYA

3.1 <i>Sultan Idris Training College (SITC)</i>	107
3.2 Cikgu Abdul Hadi Haji Hassan	117
3.3 Cikgu Harun Muhammad Amin	124
3.4 Cikgu Buyong Adil	134

BAB 4 : PERKEMBANGAN GAGASAN NASIONALISME MELAYU RAYA: SEBELUM PERANG

4.1 Kesatuan Melayu Muda (KMM)	140
4.2 Perjuangan Ibrahim Haji Yaakob di Tanah Melayu	152
4.3 Pemikiran Ibrahim Haji Yaakob (IBHY)	162
4.3.1 Latar Belakang IBHY	162
4.3.2 Sumber Idea dan Pengaruh	165
4.3.3 Pemikiran IBHY Dari Sudut Politik	175
4.3.4 Pemikiran IBHY Dari Sudut Ekonomi	189
4.3.5 Pemikiran IBHY Dari Sudut Pendidikan	199

BAB 5 : PERKEMBANGAN GAGASAN NASIONALISME MELAYU RAYA : SELEPAS PERANG

5.1 Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS)	209
5.2 Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)	217
5.3 Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Parti Islam Se-Malaya (PAS)	233
5.4 Ahmad Boestamam dan Parti Rakyat Malaya (PRM)	248
5.5 Perjuangan IBHY di Indonesia	261

BAB 6 : PENERUSAN SEMANGAT MELAYU RAYA

6.1 Kerjasama Politik	278
6.2 Kerjasama Bahasa	285
6.3 Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA)	295
6.4 Badan-badan Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan	

di Negara-negara Lain di Nusantara	307
6.5 Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)	312

BAB 7 : RUMUSAN

7.1 Gagasan Melayu Raya : Antara Impian dan Realiti	327
7.2 Penutup	335

Senarai Bibliografi

- A) Dokumen Rasmi
- B) Surat Persendirian
- C) Buku Ilmiah
- D) Artikel
- E) Jurnal/ Makalah/ Kertas Kerja
- F) Disertasi/ Tesis/ Latihan Ilmiah
- G) Temubual/ Wawancara
- H) Senarai Majalah/ Jurnal/ Akhbar
- I) Internet/ Laman Web

Senarai Lampiran

Lampiran 1	: Peta Gugusan Kepulauan Melayu	360
Lampiran 2	: Kerajaan Awal di Asia Tenggara	361
Lampiran 3	: Peta Empayar Angkor dan Srivijaya	362
Lampiran 4	: Peta Kerajaan Majapahit	363
Lampiran 5	: Peta Empayar Melaka	364
Lampiran 6	: Penuntut / Pensyarah SITC	365
Lampiran 7	: O.T. Dussek	366
Lampiran 8	: Cikgu Abdul Hadi Haji Hassan	367
Lampiran 9	: Cikgu Harun Muhammad Amin	368
Lampiran 10	: Cikgu Buyong Adil	369
Lampiran 11	: Ibrahim Haji Yaakob	370
Lampiran 12	: Jose Rizal	371
Lampiran 13	: Sukarno	372
Lampiran 14	: Mustapha Hussain	373
Lampiran 15	: Pertemuan IBHY dan Sukarno di Taiping	374
Lampiran 16	: Proklamasi Kemerdekaan Indonesia	375
Lampiran 17	: Dr. Burhanuddin al-Helmy	376
Lampiran 18	: Ahmad Boestamam	377
Lampiran 19	: Perasmian Cawangan PKMM	378
Lampiran 20	: Dr. Burhanuddin menaikkan bendera	379
Lampiran 21	: Dr. Burhanuddin di Kongres Pemuda	380
Lampiran 22	: Dr. Burhanuddin di Mesyuarat Agung PAS	381

Lampiran 23	: Lt. Kolonel Iskandar Kamel (IBHY)	382
Lampiran 24	: Muhammad Yamin	383
Lampiran 25	: Kongres Pemuda Indonesia	384
Lampiran 26	: IBHY menaikkan bendera Persekutuan Tanah Melayu	385
Lampiran 27	: Rundingan Malaysia-Indonesia	386
Lampiran 28	: Persetujuan menghentikan konfrontasi	387
Lampiran 29	: Perjanjian Persahabatan Malaysia-Indonesia	388
Lampiran 30	: Mandat PKMM	389
Lampiran 31	: Teks Proklamasi (tulisan tangan)	390
Lampiran 32	: Teks Proklamasi (tulisan bertaip)	391
Lampiran 33	: Detik-detik Sejarah di SITC 1929-31	392
Lampiran 34	: sambungan	393
Lampiran 35	: Keterangan Ahmad Boestamam	394
Lampiran 36	: sambungan	395
Lampiran 37	: sambungan	396
Lampiran 38	: Surat Kapten Dr. Abbas, F.M.S.V.F.	397
Lampiran 39	: Surat Persatuan Bekas Perajurit Malaysia	398
Lampiran 40	: Surat IBHY kepada Presiden Sukarno	399
Lampiran 41	: Surat Harun Muhammad Amin	400

Senarai Abreviasi

AJK/JK	: Ahli Jawatankuasa/ Jawatankuasa
AKTIF	: Angkatan Penulis Kreatif Selangor
ASASI	: Angkatan Sasterawan Nasional Kedah
AMCJA	: <i>All- Malayan Council of Joint Action</i>
API	: Angkatan Pemuda Insaf/ Angkatan Pemuda Indonesia
ASA	: <i>Association of South East Asia</i>
ASAS 50	: Angkatan Sasterawan 50
ASEAN	: <i>Association of South East Asian Nations</i>
ATMA	: Institut Alam dan Tamadun Melayu
AWAS	: Angkatan Wanita Sedar
BAHASA	: Badan Bahasa Sabah
BARA	: Barisan Indonesia
BARJASA	: Barisan Rakyat Jati Sarawak
bil.	: bilangan
BATAS	: Barisan Tani Malaya
BEBAS	: Persatuan Bahasa dan Sastera Malaysia Sarawak
BKM	: Barisan Kebangsaan Melayu
BMA	: <i>British Military Administration</i>
DBP	: Dewan Bahasa dan Pustaka
dlm.	: dalam
DPMP	: Dewan Persuratan Melayu Pahang
Dr.	: Doktor

ed.	: edisi
FMS	: <i>Federated Malay States</i>
GAPENA	: Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia
GPPS	: Gabungan Persatuan Penulis Sarawak
GAPURA	: Gabungan Penulis-penulis Sedar Sabah
GERAM	: Gerakan Pemuda Melayu
GERINDO	: Gerakan Rakyat Indonesia
Hj.	: Haji
hlm.	: halaman
HM	: Hizbul Muslimin
Ibid.	: <i>Ibidem</i>
IBHY	: Ibrahim Haji Yaakob
IIL	: <i>Indian Independence League</i>
IMP	: <i>Independence of Malaya Party</i>
IPM	: Ikatan Persatuan Melayu Melaka
IPP	: Ikatan Persatuan Penulis Perak
ISA	: <i>Internal Security Act</i>
ISDV	: <i>de Indische Sociaal Democratische Vereeniging</i>
JKTBM	: Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia
Jld.	: Jilid
JMBRAS	: <i>Journal of Malayan/ Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society.</i>
JPM	: Jabatan Pengajian Melayu
JSEAH	: <i>Journal of South East Asian History</i>

JSEAS	: <i>Journal of South East Asian Studies</i>
KMM	: Kesatuan Melayu Muda
KPM	: Kongres Pemuda Melayu
KRIS	: Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung
LBM	: Lembaga Bahasa Melayu
LEPAS	: Lembaga Pembangun Sastera Perak
Lt.	: Leftenan
MABBIM	: Majlis Bahasa Brunei Indonesia dan Malaysia
MAPHILINDO:	Malaysia, Filipina, Indonesia
MBIM	: Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia
MCKK	: <i>Malay College Kuala Kangsar</i>
MCP	: <i>Malayan Communist Party</i>
MDU	: <i>Malayan Democratic Union</i>
MIH	: <i>Malaysia in History</i>
MPAJA	: <i>Malayan People's Anti-Japanese Army</i>
MVI	: <i>Malayan Volunteer Infantry</i>
NNMB	: Negeri-negeri Melayu Bersekutu
NNMTB	: Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu
NNS	: Negeri-negeri Selat
op. cit.	: <i>opere citation</i>
2PNP	: Persatuan Penulis Negeri Pulau Pinang
3P	: Persatuan Penulis Perlis
PARTINDO	: Parti Rakyat Indonesia

PAS	: Parti Islam Se-Malaya/ Malaysia
PASPAM	: Persatuan Sahabat Pena Malaysia
PELITA	: Persatuan Sasterawan Terengganu
PEN	: Persatuan Penulis Negeri Sembilan
PENA	: Persatuan Penulis Nasional
PENAMA	: Persatuan Penulis Melaka
PENTAS	: Persatuan Penulis dan Peminat Sastera Teluk Intan
PEKEMBAR	: Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
PEPERMAS	: Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya
PERWILA	: Persatuan Penulis Wilayah Persekutuan Labuan
PETA	: Pembela Tanah Air
Ph.D	: <i>Philosophy Doctorate</i>
PKI	: Parti Komunis Indonesia
PKM	: Parti Komunis Malaya
PMFTU	: <i>Pan Malayan Federation of Trade Union</i>
PNI	: Parti Nasionalis Indonesia
PNI Baru	: Pendidikan Nasional Indonesia
PPJ	: Persatuan Penulis Johor
PPK	: Persatuan Penulis Kelantan
PPPBM	: Perkumpulan Penulis dan Peminat Bahasa Muar
PPPKI	: Pemuafakatan Perhimpunan-perhimpunan Politik Kebangsaan Indonesia
PUSPA	: Persatuan Seniman dan Penulis Kelantan
Prof.	: Profesor

PRM	: Parti Rakyat Malaya/ Malaysia
PUTERA	: Pusat Tenaga Rakyat
SABERKAS	: Sarikat Kerjasama Am Saiburi/ Syarikat Bekerjasama Rakyat Kedah
SDAP	: <i>Sociaal Democratische Arbeiders Partij</i>
SEAARC	: <i>South East Asian Association for Regional Cooperation</i>
SITC	: <i>Sultan Idris Training College</i>
SF	: <i>Socialist Front</i>
terj.	: terjemahan
TKR	: Tentera Keamanan Rakyat Indonesia
TNI	: Tentera Nasional Indonesia
TRI	: Tentera Republik Indonesia
t.t.	: tiada tarikh
UMNO	: <i>United Malay's National Organisations</i>
Vol.	: <i>Volume</i>

GAGASAN NASIONALISME MELAYU RAYA: PERTUMBUHAN DAN PERKEMBANGANNYA.

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu penyelidikan berkaitan nasionalisme Melayu Raya. Nasionalis yang berpegang kepada faham ini bercita-cita menyatukan semua umat Melayu di Nusantara di bawah satu entiti politik. Sejarah silam Alam Melayu dijadikan pedoman dan penggerak dalam menghadapi penjajahan Barat.

Perjuangan nasionalisme Melayu Raya sering dikaitkan dengan golongan radikal seperti KMM, PKMM, AWAS dan sebagainya. Fahaman ini digarap oleh tokoh-tokoh politik seperti Ibrahim Haji Yaakob, Ahmad Boestamam dan Dr. Burhanuddin, yang kemudiannya dimanifestasikan pula dalam bentuk perjuangan politik. Tokoh-tokoh radikal ini telah menghadapi pelbagai rintangan dalam mencapai impian.

Selepas era kemerdekaan, istilah Melayu Raya sebagai agenda politik semakin pudar dan terus lenyap beberapa dekad selepas itu. Konsep gagasan Melayu Raya hanya relevan dalam konteks bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan. Hubungan negara-negara di Nusantara dalam konteks ini boleh dilihat melalui program-program kerjasama, konvensyen, seminar dan sebagainya.

**THE IDEA OF 'MELAYU RAYA' NATIONALISM: ITS GROWTH AND
DEVELOPMENT.**

ABSTRACT

The research is a study in connection with the idea of 'Melayu Raya' nationalism. The nationalists that adhere to this principle hold the ambition of uniting all the Malays living in the Malay archipelago under one political entity. The Malay archipelago historical background is used as the fundamental vision and catalyst towards generating retaliation against the western colonization.

KMM, PKMM, AWAS and other equal radical groups are pertinent names associated with the struggle of Melayu Raya Nationalism. Some of the political figures that uphold this ideology are Ibrahim Haji Yaakob, Ahmad Boestamam and Dr Burhanuddin Al-Helmy. These politicians in return manifest their belief through a political struggle which faces a lot of obstacles in realizing their dream.

A few decades in subsequent to the Malayan Independence the Melayu Raya political agenda term faded and diminished. The Melayu Raya idea is now only relevant in the language, literature and cultural contexts. Malay Archipelago relationships are now apparent only through collaboration programs like seminars and conventions.

BAB SATU

Pengenalan

1. 1 Latar Belakang dan Masalah Kajian

1.1.1 Sejarah Intelektual (*Intellectual History*)

Sejarah pemikiran (*intellectual history*) telah wujud sejak zaman Yunani (Greek) purba lagi. Kajian awal berkaitan tema ini boleh dilihat melalui penulisan Herodotus yang membahaskan kepercayaan agama orang-orang Mesir, dan kajian Thucydides yang cuba membezakan sifat nasional orang-orang Athens dan Sparta. Dengan munculnya agama Kristian, sejarah pemikiran semakin bertambah mantap melalui tafsiran penulis-penulis Kristian tentang sejarah kemanusiaan.¹

Penulisan sejarah pemikiran turut dipergiatkan oleh para penulis Islam dengan karya-karya seperti *al-Farq bayn al-Firaq* oleh al-Baghdadi, *al-Milal Wal Nihal* oleh Shahrastani, dan *Maqalat al-Islamiyyin* oleh Abul Hassan al-Ash'ari. Walaupun sejarah pemikiran terus berlangsung sehingga abad ke-18, namun belum lagi wujud sejarah pemikiran dalam erti kata yang sebenarnya. Yang ada hanyalah perkembangan aspek-aspek tertentu dari sejarah pemikiran. Sejarah pemikiran sebagai satu cabang sejarah (subdisiplin) yang berautonomi wujud pada abad ke-19, dipelopori oleh Wilhelm Dilthey di Jerman. Usaha ini

¹ Abdul Rahman Haji Abdullah, 1996. *Pengantar Ilmu Sejarah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), hlm. 47-48.

dimantapkan lagi oleh seorang penulis Jerman yang lain iaitu Friedrich Meinecke (1862-1954) dengan karyanya *Die Entstehung des Historismus*.²

Jika sejarah politik umpamanya, mengkaji tentang peristiwa politik dan kaitan-kaitannya,³ maka sejarah intelek pula mengkaji perkembangan sesuatu pemikiran dalam hubungannya dengan konteks atau ruang pada waktu tertentu.⁴ Sebagai salah satu cabang sejarah, ia juga mengkaji tentang masa lalu khususnya tentang pertumbuhan, perkembangan serta penerimaan, penolakan dan pengaruh buah fikiran serta gagasan yang bernas. Gagasan atau idea yang dikemukakan itu mungkin merangkumi pula ilmu-ilmu seperti politik, ekonomi, kemasyarakatan, akhlak, agama dan sebagainya.⁵ Dalam hal ini, perkara yang penting bagi pengkaji selain daripada buah-buah fikiran tersebut, ialah kesan serta pengaruh gagasan-gagasan tersebut terhadap masyarakat.

Revolusi Perancis 1789 menjadi bukti bahawa peranan intelektualisme tidak boleh dinafikan. Hal ini diakui oleh Rouston yang menyatakan revolusi berlaku kerana pemikiran kaum '*Enlightenment*' yang bergerak di dalam masyarakat.⁶ Pergerakan kesedaran (*Enlightenment*) ini pernah disifatkan sebagai revolusi intelektual dan dikaitkan dengan nama-nama ahli fikir seperti Rene Descartes (1596-1650), Charles de Secondat Montesquieu (1689-1755), Voltaire (1694-

² *Ibid.*, hlm. 48.

³ Muhd. Yusuf Ibrahim, 1985. *Sejarah Intelek: Isu dan Masalah* (Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd.), hlm. 4.

⁴ Abdul Rahman Haji Abdullah, 1996. *Op. cit.*, hlm. 49.

⁵ Muhd. Yusuf Ibrahim, 1985. *Op. cit.*, hlm. 4-5.

⁶ Crane Brinton, 1994. *Ideas and Man: The Story of Western Thought* (Englewood Cliffs, N.J.: Hall, Inc.), Bab Pengenalan.

1778, Dennis Diderot (1713-1784) dan Rousseau (1712-1778) di Perancis; Joseph Hume (1777-1855), Edward Gibbon (1737-1794), dan Thomas Hobbes (1588-1679) di England; Gotthold Ephraim Lessing (1729-1781), Baruch Spinoza (1632-1677), dan Immanuel Kant (1724-1802) di Jerman; Benjamin Franklin (1706-1790) dan Thomas Jefferson (1743-1826) di Amerika dan beberapa orang tokoh lain di Russia dan Itali.⁷

Begitu juga dengan Revolusi Islam di Iran pada tahun 1979, adalah berkaitan dengan idea kesedaran kesan daripada pemikiran Dr. Ali Shariati yang tersebar secara meluas di kalangan masyarakat sehingga menjadi asas kepada rakyat jelata menerima kepimpinan Ayatollah Khomeini. Satu lagi peristiwa penting yang melibatkan peranan pemikiran ialah kemusnahan *Pearl Harbour* di tangan Jepun pada tahun 1941. Perancangan yang dibuat oleh Laksamana Isoroku Yamamoto dalam strategi serangan diinspirasikan daripada novel Hector C. Bywater bertajuk *The Great Pacific War*. Bywater adalah seorang bekas perisik British yang banyak menulis tentang persoalan angkatan laut sepanjang tahun 1920-1940.⁸

Tidak dapat dinafikan terdapat pelbagai bentuk pemikiran muncul dalam sejarah sesebuah masyarakat. Kegiatan-kegiatan intelektual itu kadangkala mempengaruhi masyarakatnya, kadangkala terpendam begitu sahaja dan

⁷ Qasim Ahmad, 1997. *Eropah Moden: Arus Sosiopolitik dan Pemerintahan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), hlm. 8.

⁸ Abdul Rahman Haji Abdullah, 1998. *Pemikiran di Malaysia: Sejarah dan Aliran* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), hlm. 1-2.

memerlukan suatu masa yang akan datang untuk memahaminya. Hal ini berlaku kerana manusia memberikan rangsangan yang berbeza-beza terhadap apa yang mereka lihat, dengar dan rasai.⁹ Dalam hal ini, jika kita kaitkan dengan gagasan Melayu Raya yang menjadi tema kajian penulis, maka kita mendapati perkara yang sama berlaku. Idea ini hanya dapat diterima oleh sebahagian sahaja ahli masyarakat, iaitu di kalangan mereka yang disifatkan sebagai berjiwa radikal dan berpegang kepada politik kiri. Gagasan ini seolah-olah seperti satu idea yang sukar dimengerti oleh masyarakat umum, dan dipercayai sebagai gagasan yang tidak mungkin direalisasikan. Oleh sebab itu hanya nasionalis dan golongan tertentu sahaja yang dapat menerimanya sebagai ideologi dan dijadikan prinsip perjuangan.

Selaras dengan peranan sejarah pemikiran mengkaji perkembangan sesuatu pemikiran dalam hubungannya dengan semangat zaman (*zeitgeist*) tertentu,¹⁰ maka gagasan Melayu Raya yang dilihat oleh penulis akan ditumpukan pada zaman idea tersebut mendominasi pemikiran sesetengah tokoh dan meninjau perkembangan gagasan tersebut terhadap masyarakat.

1.1.2 Permasalahan Nasionalisme

Pensejarahan nasionalisme Melayu telah memperlihatkan jurang perbezaan pendapat yang luas dan kesamaran yang rumit. Hal ini berlaku kerana tiadanya

⁹ Mohd. Yusuf Ibrahim, 1985. *Op. cit.*, hlm. 6-7.

¹⁰ Abdul Rahman Haji Abdullah, 1996. *Op. cit.*, hlm. 49.

panduan dan penakrifan yang cukup jelas tentang nasionalisme Melayu.¹¹ Kesannya, terdapat sesetengah pengkaji yang terlalu banyak bergantung kepada pendapat-pendapat dan tafsiran awal yang bertentangan dengan takrif umum nasionalisme.¹²

Dalam hubungan ini R.I. Rotberg menyatakan bahawa istilah nasionalisme adalah “satu kancah penyalahgunaan” dan telah digunakan untuk “menggambarkan beraneka jenis keadaan, kedudukan manusia dan corak fikiran”.¹³ Khoo Kay Kim pula menyatakan nasionalisme merupakan satu istilah yang walaupun telah banyak diberikan takrif, namun masih tetap kabur. Dalam konteks Melayu sebelum merdeka, nasionalisme biasanya digunakan untuk merujuk kepada perjuangan orang Melayu bagi mendapatkan kembali kedudukan unggul dalam negara sendiri.¹⁴

Menurut Sidek Fadzil, dari sudut pandangan Islam pula, nasionalisme bukan satu persoalan yang sifatnya mudah untuk ditentukan kedudukannya. Tidak semua bentuk nasionalisme dapat diterima oleh Islam dan tidak semua corak nasionalisme ditolak oleh Islam. Nasionalisme itu diterima atau ditolak bergantung kepada erti dan isi nasionalisme yang wujud pada ruang dan waktu

¹¹ Azmi Ariffin, “Pensejarahan Nasionalisme Perancis dan Nasionalisme Melayu: Satu Kajian Perbandingan Berasaskan Teori dan Sejarah”. Tesis Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia, 1999. hlm. 142-143.

¹² *Ibid.*, hlm. 143.

¹³ R. Suntharalingam, “Konsep Nasionalisme: Ke Arah Satu Takrif”, dlm. R. Suntharalingam, *et.al.*, 1985. *Nasionalisme Satu Tinjauan Sejarah* (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti), hlm. 1-2.

¹⁴ Khoo Kay Kim, “Nasionalisme dan Sastera Sebelum Perang Dunia II”, dlm. *Dewan Sastera*, 14 Ogos 1984. hlm. 3; Lihat juga *Nasionalisme Dalam Persuratan*, 1985 (Kuala Lumpur: Muzium Negara dan Dewan Bahasa dan Pustaka), hlm. 145-151.

yang tertentu. Kedudukan nasionalisme menjadi demikian kerana ketidakmampuan takrifnya dan ketidaksamaan arah tujuannya dari semasa ke semasa dan dari setempat ke setempat.¹⁵

Dalam usaha untuk mengemukakan takrif nasionalisme yang lebih lengkap dan unggul ini, R. Suntharalingam cuba memaparkan takrif yang diberikan oleh Hans Kohn. Hans Kohn mentakrifkan nasionalisme sebagai “satu keadaan fikiran, yang menyerap masuk ke dalam jiwa sebahagian besar rakyat dan didakwa menyerap masuk ke kalangan semua anggotanya; dia mengiktiraf negara bangsa sebagai bentuk organisasi politik yang unggul, dan bangsa sebagai punca bagi segala kehidupan budaya yang membina dan punca kesejahteraan ekonomi. Oleh itu kesetiaan ulung manusia adalah tertumpu kepada bangsanya, kerana kehidupannya sendiri adalah dipercayai berdasarkan kepada dan dimungkinkan oleh kebajikan bangsanya”.¹⁶

Permasalahan yang ingin ditonjolkan oleh penulis di dalam kajian ini ialah percanggahan pendapat yang timbul di kalangan para sarjana terhadap kewujudan nasionalisme Melayu yang berkait dengan takrifan nasionalisme itu sendiri. Di samping tanggapan kepada takrif yang pelbagai telah membawa kepada penjelasan nasionalisme yang berbeza-beza, menjadi perkara yang amat menarik, untuk mengkaji sebab dan punca kepada pembentukan tafsiran

¹⁵Sidek Haji Fadzil, “Pemikiran Barat Modern-Sikap Para Cendekiawan Muslim Dengan Tumpuan Di Alam Melayu”, Disertasi Doktor Falsafah, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989. hlm. 165.

¹⁶ R. Suntharalingam, “Konsep Nasionalisme: Ke Arah Satu ...”, *Op. cit.*, hlm. 2-3.

yang sedemikian. Penulis akan cuba menjawab persoalan tersebut dalam bab ini.

Pengelasan berdasarkan takrif ini telah menimbulkan pelbagai pendapat tentang kemunculan nasionalisme Melayu seperti yang ditulis oleh Azmi Ariffin. Terdapat pendapat yang merumuskan kesedaran nasionalisme Melayu muncul pada lewat tahun-tahun 1930-an, 1940-an atau 1950-an. Dalam pada itu, ada pendapat yang menyatakan nasionalisme Melayu muncul lebih awal daripada itu iaitu sejak dari zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi.¹⁷ Perbezaan pendapat ini timbul kerana para pengkaji mempunyai dua kecenderungan yang berbeza iaitu berpegang kepada pendapat-pendapat dan pentafsiran awal tentang nasionalisme, atau bersandarkan penjelasan kepada ciri-ciri 'nasionalisme unggul'. Mereka yang terlalu bergantung kepada pendekatan Barat ini seolah-olah terlupa akan fenomena politik sebenar yang berlaku di Tanah Melayu dan terlalu bergantung dengan konsep-konsep yang diambil dari Eropah.

Barangkali fenomena ini timbul berkait dengan dasar yang telah dirancang oleh penjajah. Dari segi sejarah, ketika bangsa Asia dan Afrika masih terlena, Barat sudahpun selesai membedah psikomental bangsa Asia dan Afrika, sehingga mereka menjadi lebih arif tentang Asia dan Afrika, mengatasi pengetahuan penduduk pribumi terhadap diri mereka sendiri. Mereka menggunakan slogan "*Knowledge is Power*". Dengan menerapkan 'ilmu kolonial', penjajah berjaya menguasai 'ruang epistemologi' seiring dengan penguasaan fizikal negara-

¹⁷ Azmi Ariffin, "Pensejarahan Nasionalisme Perancis dan...", *Op. cit.*, hlm. 142-143.

negara yang dijajah. Menurut Hans Cohn, 'ilmu kolonial' telah dianggap sebagai "the natural embodiments of history, territory and society". Pembentukan sejarah, wilayah dan masyarakat dalam negara pasca kolonial bukan suatu yang semulajadi tetapi terhasil akibat konstruksi ilmu kolonial tersebut.¹⁸ Kesannya, terbentuk masyarakat kolonial dan pasca kolonial, khususnya pembentukan konsep negara-bangsa dan beberapa kategori serta klasifikasi sosial selainnya. Ilmu kolonial itu dianggap *naturalized* atau seolah-olah sudah sebatik dalam kehidupan masyarakat pasca kolonial.¹⁹

Hal ini diakui oleh Abdul Rahman Haji Ismail yang menyatakan walaupun penjajahan sudahpun berlalu, namun penjajahan fikiran dan intelektual masih lagi menguasai dan hakikat ini membantu pihak British 'menegakkan benang basah'.²⁰ Hasil daripada penjajahan fikiran (*al-ghazwal al-fikr*) inilah yang melahirkan golongan yang terjajah fikirannya (*captive-minded*) seperti yang disebut oleh Syed Hussein Alatas.

Ilmu kolonial yang terhimpun tidak hanya bersifat suatu koleksi naratif, malah mengandungi analisis sosial yang bersifat akademik dan popular tentang masyarakat pribumi. Para penganalisis ini terdiri daripada pegawai tadbir Inggeris yang terdidik dalam ilmu klasik, pengajian oriental, falsafah dan

¹⁸ Shamsul Amri Baharuddin, "Oksidentalisme: Pengertian dan Hala Tuju", dlm. *Pemikir*. Julai-September 2004, hlm. 2-3.

¹⁹ Shamsul Amri Baharuddin, " 'Ilmu Kolonial' dan Pembinaan 'Fakta' Mengenai Malaysia", dlm. Rahimah Abd. Aziz, *et. al.*, 2000. *Masyarakat, Budaya dan Perubahan* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia), hlm. 190.

²⁰ Abdul Rahman Haji Ismail, "Silat dan Silau Imperialisme British di Tanah Melayu: Langkah dan Buah", dlm. Cheah Boon Kheng, *et. al.*, 1990. *Kolonialisme di Malaysia dan Negara-negara Lain* (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd), hlm. 79.

antropologi. Dengan menggunakan pendekatan evolusi dan orientalisme sebagai kerangka konseptual maka terbina satu korpus tulisan yang menjadi asas dan rujukan para sarjana.²¹ Pada akhir abad ke-19, evolusi sosial telah menguasai pemikiran orang-orang Eropah dan hal ini terlihat dalam penulisan Hugh Clifford tentang Tanah Melayu seperti berikut:

Mungkin hanya sebilangan kecil sahaja orang yang menyedari jenis kerja sebenar yang telah ditetapkan untuk dicapai oleh Inggeris di Semenanjung. Apa yang sedang kita cuba ialah untuk mengasakkan dalam masa dua puluh tahun satu revolusi fakta dan pendapat yang begitu bertenaga di Eropah dan selama enam abad diperlukan untuk mencapainya...Orang akan terpaksa bersimpati dengan orang-orang Melayu yang secara mendadak dan kasarnya ditukarkan daripada titik pencapaian dalam pembangunan semula jadi, dan diperlukan memenuhi kehendak-kehendak orang-orang yang telah enam abad terkehadapan dari mereka dalam kemajuan kebangsaan.²²

Keyakinan kepada evolusi sosial yang bersifat lurus mendatar merupakan satu sebab mengapa tamsilan-tamsilan Eropah dibuat dan diterima tanpa apa-apa halangan. Pemikiran nasionalisme di Asia Tenggara adalah sebahagian daripada rangka penanggapan pelawat-pelawat Eropah yang datang ke Asia Tenggara pada abad ke-19. Melalui satu proses pusingan, tulisan-tulisan mereka menjadi bahan-bahan rujukan untuk penulisan-penulisan kemudian yang menggambarkan Asia Tenggara sebagai sebuah negara-bangsa.²³

²¹ Shamsul Amri Baharuddin, " 'Ilmu Kolonial' dan Pembinaan 'Fakta' Mengenai...", *Op. cit.*, hlm. 194.

²² P.H. Kratoska, "Nasionalisme Ahli-ahli Sejarah dan Nasionalisme Dalam Sejarah", dlm. R. Suntharalingam, *et.al.*, 1985. *Nasionalisme Satu Tinjauan Sejarah* (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti), hlm. 27.

²³ *Ibid.*, hlm. 27-28.

Said Ramadan mengakui bahawa nasionalisme yang berasaskan pendekatan Barat telah melanda negara Islam, dan mendatangkan kesan paling buruk menerusi serangan budaya Barat.²⁴ Tidak hairanlah jika penjajah berjaya membentuk satu pemahaman di kalangan pengkaji agar menghasilkan penulisan yang berat sebelah dan tidak memihak kepada nasionalisme Melayu. Dalam hal ini, Kassim Ahmad secara keras menuduh mereka yang menulis mengikut pendekatan Barat ini telah menyembunyikan dan memutarbelit fakta-fakta yang seharusnya menjadi asas penulisan mereka. Justeru, beliau menyarankan agar pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh mereka ditolak oleh ahli sejarah.²⁵

Amat jelas dalam mengkaji nasionalisme Melayu, metodologi dan pendekatan Barat digunakan. Tidak hairanlah jika ciri-ciri nasionalisme unggul dijadikan sebagai asas dalam menentukan nasionalisme Melayu. Hasilnya nasionalisme Melayu dianggap tidak dominan ataupun dianggap sebagai satu tindakan yang bersifat separa nasionalisme. Malah terdapat sarjana yang menafikan kewujudan nasionalisme Melayu. Barangkali pendapat yang lebih tepat ialah bahawa Barat mahukan satu konsep yang menuju kepada pemahaman dan pembentukan nasionalisme mengikut acuan mereka.

Walaupun kesetiaan kepada tanah air, tradisi pusaka dan penguasa wilayah yang *established* sebenarnya memang telah wujud di kalangan masyarakat

²⁴ Dr. Said Ramadan, 1969. *Islam dan Nasionalisme* (Jakarta: Bulan Bintang), hlm. 6-7.

²⁵ Kassim Ahmad, " Satu Konsep Sejarah Kebagsaan Malaysia", dlm. *Dewan Masyarakat*. November, 1975, hlm. 48.

Melayu di sepanjang sejarah,²⁶ namun terdapat pandangan menafikan gagasan bangsa yang menentukan nasionalisme Melayu telah wujud sebelum tahun-tahun 1930-an.²⁷ Malah sesetengah sarjana meyakini bahawa nasionalisme Melayu tidak pernah wujud dan mereka mengaitkan kemunculan nasionalisme di Tanah Melayu dengan kemunculan nasionalisme Malayan, yang melibatkan kesedaran dan penyatuan seluruh etnik yang terdapat di Tanah Melayu sewaktu di bawah naungan British. Mereka percaya hanya wujud konsep nasionalisme Malayan di Tanah Melayu iaitu apabila wujudnya kesedaran seluruh bangsa di Tanah Melayu pada tahun 1940-an. Mereka juga tidak merasakan bahawa nasionalisme Melayu itu pernah wujud berasingan dengan nasionalisme Malayan. Pandangan tersebut dipegang oleh pengkaji-pengkaji seperti J.M. Gullick, D.P. Singal, James P. Ongkili, Lennox A. Mills dan para pengkaji Eropah.²⁸

Pandangan-pandangan yang bersifat eurosentrik ini dengan jelas bersandar kepada faham yang diambil, ditiru atau diimport dari Eropah. D.P. Singal misalnya, dalam penulisan tentang nasionalisme di Asia Tenggara pada tahun 1967, berkata bahawa nasionalisme dalam konteks negara yang terjajah, matlamat yang sama bukan lagi berasaskan kepada pengalaman masa lampau, tetapi berasaskan realiti masyarakat yang baru yang sama-sama merasai

²⁶ Sidek Haji Fadzil, "Pemikiran Barat Moden-Sikap ParaCendekiawan Muslim Dengan...", *Op. cit.*, hlm.168.

²⁷ Abdul Rahman Haji Ismail, "Takkan Melayu Hilang di Dunia: Suatu Sorotan Tentang Nasionalisme Melayu", dlm. R. Suntharalingam, *et.al.*, 1985. *Op. cit.*, hlm. 37.

²⁸ Azmi Ariffin, "Pensejarahan Nasionalisme Perancis dan Nasionalisme...", *Op. cit.*, hlm. 148-149.

pengalaman semasa berada di bawah penjajahan. Pluvier pula mengakui perkembangan nasionalisme di Asia Tenggara banyak dipengaruhi oleh idea-idea dan konsep-konsep yang diambil dari Barat menerusi penjajahan. Begitu juga dengan Kratoska dan Batson yang berpendapat bahawa perkembangan nasionalisme di Asia Tenggara telah didorong oleh faktor-faktor 'pembayaran' seperti perkembangan sistem pendidikan Barat dan dasar-dasar pembaharuan dan pemodenan penjajah.²⁹

Dalam hal ini, penulis melihat pemahaman dan pembentukan nasionalisme mengikut acuan Barat merupakan satu perancangan dan diterapkan melalui sistem pendidikan Barat. Bersesuaian dengan pernyataan Lord Macauley ketika memperkenalkan pendidikan Barat, katanya:

"Kita mesti berusaha sedaya upaya yang mungkin bagi mewujudkan dan membentuk satu golongan yang boleh menjadi perantaraan di antara kita dengan jutaan rakyat pribumi yang kita perintah ini; iaitu segolongan manusia yang masih India warna kulit dan darahnya, tetapi sudah dibritishkan perasaan, pemikiran dan juga intelegnya".³⁰

Satu lagi pengakuan yang boleh dijadikan asas nasionalisme merupakan satu perancangan Barat boleh dilihat dalam buku yang ditulis oleh Cromer bertajuk *Modern Egypt*, 1908, seperti berikut;

"England was prepared to grant political freedom to all her politicians imbued through English educations with the ideals of English culture were ready to take over, but under no

²⁹ *Ibid.*, hlm. 158-163.

³⁰ Ramli Awang, 1985. *Kedurjanaan Nasionalisme (Asabiyah Kebangsaan)*, (Kuala Lumpur: Gedung Gua), hlm. 170. Beliau telah memetik ungkapan daripada Khurshid Ahmad, 1970. *Islam and The West* (Lahore: Islamic Publication Ltd), hlm. 13-14.

*circumstances would the British for a single moment tolerate an independent Islamic state”.*³¹

Pendekatan Barat seolah-olah mahu menafikan konsep penjajahan yang menjadi pegangan sesetengah penulis dalam menghuraikan perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu, dengan meletakkan peranan penjajah sebagai pencetus dan agen pembentukan nasionalisme di Tanah Melayu, dan sekaligus menekankan tentang peranan bangsa Malayan. Ciri-ciri unggul nasionalisme cuba dipaparkan sebagai suatu yang *absolute* dalam menentukan kewujudan dan perkembangan nasionalisme. Justeru, bukan bangsa Melayu menjadi penentu kepada kewujudan nasionalisme di Tanah Melayu, tetapi bangsa Malayan yang dianggap bertanggungjawab dalam kebangkitan nasionalisme di Tanah Melayu dan seterusnya berjaya pula membentuk negara-bangsa yang merdeka dan berdaulat.

Dalam hal ini kebanyakan mereka menjadikan istilah ‘bangsa’ dan ‘negara-bangsa’ sebagai fakta penentuan kewujudan nasionalisme di Tanah Melayu. Smith misalnya, menyatakan istilah Melayu berfungsi sebagai satu nama kolektif bagi satu kumpulan manusia yang mempunyai perasaan kesepaduan yang berteraskan kepercayaan asal-usul, dan diperkuatkan lagi dengan ikatan wilayah, sejarah dan budaya yang dianggap sama. Namun, bangsa Melayu sebagai satu entiti politik, terutama dalam pembentukan negara-bangsa yang

³¹ *Ibid.*, hlm. 170-171; Sila rujuk Cromer, 1908. *Modern Egypt*, Vol. 2 (London & New York: Macmillan), hlm. 565.

berdaulat masih belum nyata.³² Cheah Boon Kheng pula dalam menjelaskan pembentukan nasionalisme di Tanah Melayu, menyatakan bahawa nasionalisme Malayan telah lahir antara tahun-tahun 1946-48, dan telah berkembang sehingga tercapai kemerdekaan pada tahun 1957, dan kemudian membawa kepada pembentukan Malaysia.³³ Beliau tidak menggunakan nasionalisme Melayu tetapi memakai istilah nasionalisme Malaya dalam menunjukkan kelahiran nasionalisme yang telah membawa kepada pembentukan negara-bangsa di Tanah Melayu.

Revolusi Perancis selalunya dijadikan sebagai titik tolak di antara fenomena sebelum dan sesudahnya. Melihat nasionalisme mengikut perspektif berikut membuatkan para pengkaji berkecenderungan menganggap nasionalisme sebagai satu fenomena baru.³⁴ Perspektif inilah yang digunakan oleh Cheah Boon Kheng dalam mentafsir nasionalisme di Tanah Melayu. Sedangkan nasionalisme itu menurut sesetengah pendapat sarjana Barat seperti Gellner misalnya, dianggap bukan semata-mata diwujudkan oleh pemikiran Barat. Beliau berpendapat bahawa nasionalisme terhasil mengikut keadaan misalnya nasionalisme yang timbul kesan pembentukan ekonomi moden. Sarjana-sarjana Barat lain yang menolak nasionalisme sebagai hak mutlak Barat cuba meneliti

³² Tan Liok Ee, "Bangsa, Minzu dan Nation: Satu Usaha Memahami Polemik Nasionalisme di Semenanjung Tanah Melayu, 1900-1955", dlm. *Kajian Malaysia*. Jil. XIV, No. 1 & 2, Januari/Disember 1996, hlm. 39.

³³ Cheah Boon Kheng, "Asal Usul dan Asas Nasionalisme Malaya", dlm. R. Suntharalingam, *et al.*, 1985. *Nasionalisme Satu Tinjauan Sejarah* (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti) hlm. 84.

³⁴ Dr. Hanapi Dollah, "Nasionalisme Melayu Dalam Pengukuhan Negara-Bangsa Malaysia", Seminar Sejarah Malaysia Moden. Penilaian Ke Atas Pembinaan Negara-Bangsa. 11-21 Disember 1992. Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 5.

akar atau dasar nasionalisme itu sendiri dan mendapati bahawa akar tersebut telah lama wujud, iaitu sebelum abad ke-18 dan telah tersebar ke serata dunia. Revolusi Perancis hanyalah satu manifestasi penting kepada nasionalisme yang telah sedia wujud.³⁵

Selain Kassim Ahmad, Prof. Zainal Abidin bin Abdul Wahid turut mengakui bahawa nasionalisme Melayu yang bersifat se-Tanah Melayu bukanlah satu gejala baru, tetapi telah muncul sejak zaman Kesultanan Melaka lagi. Sifat setia kepada raja merupakan ciri yang terdapat dalam nasionalisme Melayu pada ketika itu.³⁶ Dalam hal ini, Abdul Rahman Haji Ismail cuba meleraikan kekusutan dengan menjelaskan konsep gagasan negara-bangsa, kesetiaan negara-bangsa, dan gagasan kedaulatan rakyat. Beliau menjelaskan bahawa gagasan negara-bangsa se-Tanah Melayu telah lama wujud, malah sejak abad ke-15 lagi, dan bukan merupakan kesatuan yang dibentuk oleh penyatuan negeri-negeri Melayu oleh penjajah Inggeris. Istilah 'Melayu' dan 'bangsa' telah lama digunapakai oleh orang-orang Melayu bagi membezakan bangsa Melayu daripada bangsa asing.³⁷

Orang Melayu pada ketika itu telahpun mempunyai pemikiran bahawa mereka adalah satu bangsa dalam erti kata "menganggap Melayu sebagai gagasan sejagat bagi satu keturunan yang menganuti satu kebudayaan induk yang

³⁵ *Ibid.*

³⁶ Azmi Ariffin, "Pensejarahan Nasionalisme Perancis dan Nasionalisme...", *Op.cit.*, hlm. 192-193.

³⁷ *Ibid.*, hlm. 193-195.

sama”.³⁸ Hal yang sama diakui oleh Hanapi Dollah, dengan menyatakan kesadaran kenegaraan dan patriotisme serta penyerahan taat setia kepada negara bukanlah sesuatu yang baru. Orang Melayu dalam sejarah politiknya ternyata memberikan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada negara (kerajaan).³⁹

Dalam polemik tentang asal usul nasionalisme Melayu inilah Rustam A. Sani cuba menunjukkan gagasan Melayu Raya yang diperkenalkan oleh Kesatuan Melayu Muda (KMM) merupakan satu gagasan nasionalisme yang amat jelas. Konsep negara-bangsa yang dikemukakan itu merupakan konsep yang berasaskan asal-usul kebudayaan yang sama. Cita-cita ini direalisasikan pula dalam bentuk tindakan politik. Bermula dengan Kesatuan Melayu Muda, kemudian terbentuk Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan pertubuhan politik yang sealiran seperti PUTERA-AMCJA, Parti Rakyat Malaya (PRM), Parti Islam Se-Malaya (PAS) dan sebagainya yang berpegang kepada gagasan Melayu Raya.⁴⁰

Kewujudan nasionalisme Melayu Raya ini sebagai gagasan pembentukan negara-bangsa menjadi permasalahan yang ingin diungkap oleh penulis di dalam kajian ini. Konsep Melayu Raya sebagai satu entiti politik bukan sahaja dilihat

³⁸ Tan Liok Ee, “Bangsa, Minzu dan Nation: Satu Usaha Memahami Polemik Nasionalisme...”, *Op. cit.*, hlm. 39.

³⁹ Dr. Hanapi Dollah, “Nasionalisme Melayu Dalam Pengukuhan Negara-Bangsa...”, *Op. cit.*, hlm. 9.

⁴⁰ Rustam A. Sani, “Robohan Nasionalisme Melayu: Asas Sosial Bagi Terbentuknya Ideologi Perpaduan Nasional”, dlm. *Ilmu Masyarakat*. Oktober-Disember 1983.

semasa hayat KMM dan parti-parti aliran kiri selepas itu, namun cuba ditinjau dalam sejarah awalnya pada zaman era politik Jose Rizal, malah lebih awal daripada itu pada zaman Patih Gadjah Mada. Fenomena ini akan cuba dipaparkan oleh penulis pada bab-bab yang berikutnya. Juga amat menarik, penulis ingin melebarkan maksud Abdul Rahman Haji Ismail tentang takrif bangsa mengikut konsep Melayu Raya yang dianggap sangat berguna untuk menampung bilangan orang Melayu yang kecil dalam usaha memastikan negara mereka tidak diambil atau diperintah oleh bangsa asing yang berlainan agama dan berlainan serba-serbinya itu.⁴¹

1.1.3 Aliran-aliran Nasionalisme

Dalam usaha mengkaji pertumbuhan dan perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu, terdapat pelbagai aliran dan variasi yang muncul kesan daripada dasar perjuangan, hala tuju dan matlamat nasionalisme yang berbeza. Sesetengah pengkaji menggantikan istilah aliran dengan 'Negara Idaman' (*Nations of Intent*).⁴² Sidek Fadzil di dalam disertasi Ijazah Doktor Falsafahnya, 1989, cuba memperlihatkan wujudnya aliran nasionalisme Islam dan nasionalisme sekular. Bertolak daripada pendapat Badiuzzaman Said Nursi, Sidek Fadzil telah membahagikan nasionalisme kepada dua jenis iaitu nasionalisme negatif dan nasionalisme positif.

⁴¹ Abdul Rahman Haji Ismail, "Takkan Melayu Hilang di Dunia...", *Op. cit.*, hlm. 45.

⁴² Sarjana Rustam A. Sani dan Shamsul Amri Baharuddin menggunakan istilah *Nation of Intent* dalam artikel mereka. Lihat Rustam A. Sani, "Melayu Raya As A Malay Nation of Intent", dlm. H.M. Dahlan, 1976. *The Nascent Malaysian Society: Developments, Trends and Problems* (Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia); Lihat juga Shamsul A.B., "Nations-of-Intent in Malaysia", dlm. Stein Tonnesson, *et.al.*, 1996. *Asian Forms of the Nations*. (London: Curzon Press).

- 1) Nasionalisme negatif ialah *racist nationalism* yang sama dengan *assabiyyah jahiliyyah*, nasionalisme yang menjadi pencetus silang sengketa dan permusuhan di kalangan manusia.
- 2) Nasionalisme positif merupakan nasionalisme yang dianggap penting dalam kehidupan bermasyarakat kerana ianya adalah merupakan sumber kepada sikap saling bantu-membantu, persefahaman dan perpaduan. Ianya mewujudkan kekuatan yang bermanfaat dan merupakan satu cara yang berkesan untuk meningkatkan perpaduan Islam. Said Nursi menganjurkan agar konsep nasionalisme positif ini dimanfaatkan sebagai benteng kepada Islam.⁴³

Sidek Fadzil juga memaparkan pengkelasan nasionalisme yang dikemukakan oleh Al Imam Hassan al-Banna yang cuba menjelaskan persoalan nasionalisme dengan menggunakan istilah *wataniyyah* (patriotisme) dan *qawmiyyah* (nasionalisme). Beliau cuba meletakkan kedua-dua konsep tersebut dalam perspektif Islam. Bentuk-bentuk perspektif yang diterima oleh beliau ialah:

- 1) *Wataniyyatu I-hanin*, iaitu semangat cintakan tanah air yang wujud secara fitri.
- 2) *Wataniyyatu I-hurriyyah wa I-izzah*, iaitu rasa tanggungjawab untuk membebaskan tanah air dari kuasa asing serta meletakkan asas-asas kemerdekaan serta kemuliaan rakyat.
- 3) *Wataniyyatu I-mujtama*, iaitu usaha menyatupadukan rakyat sesebuah negara untuk kepentingan bersama.

⁴³ Sidek Haji Fadzil, "Pemikiran Barat Modern-Sikap Para Cendekiawan...", *Op. cit.*, hlm.173-175.

- 4) *Wataniyyatu I-Fath*, iaitu perjuangan menguasai wilayah dunia dengan membawa perutusan Ilahi.⁴⁴

Dalam melihat nasionalisme yang berbentuk sekular pula, Sidek Fadzil merujuk kepada perjuangan nasionalisme yang menjadi pegangan Sukarno. Dalam gerakan untuk mencari kekuatan bagi menggempur penjajah Belanda di Indonesia, Sukarno cuba menggabungkan tiga aliran fahaman iaitu nasionalisme, Islamisme dan Marxisme (NASAKOM). Fahaman ini tergambar melalui sajak yang ditulis oleh Sukarno di dalam bukunya *Sarinah* (1947) yang kemudiannya faham tersebut dikenali sebagai Sukarno-isme. Sajak tersebut:

Dalam cita-cita politikku
Aku ini nasionalis
Dalam cita-cita sosialku
Aku ini sosialis
Dalam cita-cita sukma
Aku ini sama sekali theis
Sama sekali percaya kepada Tuhan
Sama sekali mengabdikan kepada Tuhan⁴⁵

Bagi Sukarno, nasionalisme yang dibentuk itu merupakan nasionalisme yang luas, nasionalisme yang memberi ruang kepada rasa cinta kepada bangsa-bangsa lain juga, nasionalisme ketimuran, nasionalisme Asia dan nasionalisme kemanusiaan sedunia. Justeru, beliau menolak nasionalisme kebaratan yang disifatkan sebagai "suatu nasionalisme yang menyerang-nyerang, suatu

⁴⁴ *Ibid.*, hlm. 175-176.

⁴⁵ *Ibid.*, hlm. 187.

nasionalisme yang mengejar keperluannya sendiri, suatu nasionalisme perdagangan yang untung atau rugi".⁴⁶

Bagi Sidek Fadzil, Sukarno tergolong dalam kelompok nasionalis sekular. Sukarno mengaspirasikan sebuah negara kebangsaan yang wujud dalam sejarah Sriwijaya dan Majapahit. Dalam hal ini beliau telah menolak dengan tegas Islam sebagai dasar partinya dengan alasan kemerdekaan Indonesia bukan hanya diperjuangkan oleh orang Islam.⁴⁷ Fahaman yang menjadi pegangan Sukarno ini telah ditolak oleh Haji Agus Salim. Beliau menganggap nasionalisme Sukarno boleh menggugat ajaran tauhid dan menjejaskan pengabdian seseorang kepada Tuhannya. Nasionalisme yang keterlaluan seperti itu dianggap sudah berupa suatu agama yang menunduk dan memperhambakan manusia kepada berhala tanah air.⁴⁸

Berbeza dengan Dr. Burhanuddin al-Helmy, Sidek Fadzil cuba memperlihatkan pegangan politik tokoh Nusantara ini yang berteraskan semangat Islam. Walaupun Dr. Burhanuddin al-Helmy merupakan pendukung kuat nasionalisme Melayu, namun kebangsaan Melayu yang dipegang oleh beliau hanyalah sebagai alat untuk mencapai cita-cita Islam, sebagai lambang penarik dan menyatukan tenaga bagi mencapai cita-cita mulia dan abadi. Hubungan di antara faham kebangsaan dengan cita-cita perjuangan diibaratkan sebagai dunia

⁴⁶ *Ibid.*, hlm. 187-188.

⁴⁷ *Ibid.*, hlm. 192.

⁴⁸ *Ibid.*, hlm. 197.

dengan akhirat yang mana dunia bukanlah tujuan tetapi “hanya satu alat atau tunggangan yang menyampaikan ke akhirat”.⁴⁹

Abdul Rahman Haji Abdullah mengklasifikasikan nasionalisme Melayu kepada dua bentuk berdasarkan kepada tanggapan terhadap pentadbiran kolonial dan sikap terhadap pemerintahan feudal. Di Tanah Melayu khususnya, mereka yang bersikap pro-kolonial dan pro-feudalisme dianggap berpegang kepada faham ‘nasionalisme konservatif’ manakala mereka yang bersikap anti-penjajah dan anti-feudalisme berpegang kepada ‘nasionalisme radikal’.⁵⁰ Menurut Firdaus Haji Abdullah di dalam kajiannya tentang politik Melayu radikal, nasionalisme konservatif diwakili oleh para birokrat tradisional yang berpendidikan Barat, manakala nasionalis radikal pula diwakili oleh mereka yang berpendidikan Islam dan vernakular Melayu. Beliau juga menjelaskan bahawa nasionalis konservatif sering mendapat sokongan dan layanan baik daripada pihak penjajah, sedangkan nasionalisme radikal sentiasa ditekan dan diberikan layanan buruk oleh kerajaan British.⁵¹

UMNO merupakan antara pertubuhan politik awal yang berpegang kepada nasionalisme konservatif. UMNO bukan sahaja mempertahankan tradisi kebangsaan Melayu, malah mengekalkan tradisi kerjasama dengan pihak kolonial. Hubungan baik dan sikap lunak terhadap pentadbiran Inggeris ini

⁴⁹ *Ibid.*, hlm. 208.

⁵⁰ Abdul Rahman Haji Abdullah, 1998. *Op. cit.*, hlm. 195.

⁵¹ Firdaus Haji Abdullah, 1985. *Radical Malay Politics. Its Origins And Early Development* (Pelanduk Publications), hlm. 3.

memberikan banyak kebaikan kepada UMNO. Keistimewaan paling besar yang diterima oleh UMNO ialah apabila pihak British sanggup mengadakan perbincangan dengan UMNO dan Raja-raja Melayu dalam membentuk Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Pada tahun 1948, ketika Undang-undang Darurat dilaksanakan, banyak pertubuhan politik diharamkan tetapi UMNO dibenarkan bergerak dan hal ini telah membolehkan UMNO menjadi parti yang dominan dan berjaya pula menguasai Pilihanraya Umum 1955.⁵²

Dalam membicarakan nasionalisme radikal, persoalan yang akan timbul dan menjadi *subject matter* dalam kajian ini ialah konsep 'Melayu Raya' atau 'Indonesia Raya' yang menjadi pegangan dan cita-cita sebahagian nasionalis Melayu. Perkara inilah yang ingin dikupas oleh penulis. Sesuai dengan cita-cita membentuk satu penyatuan politik sebuah wilayah yang dikenali sebagai Alam Melayu atau Nusantara, maka nasionalisme yang mereka dukung adalah 'nasionalisme Melayu Raya' atau 'nasionalisme Nusantara' amat dominan di kalangan pemikiran nasionalis sebelum perang dan pasca perang, namun beransur-ansur kabur selepas merdeka.

1.1 Objektif Kajian

Bersesuaian dengan tajuk *Gagasan Nasionalisme Melayu Raya: Pertumbuhan dan Perkembangannya*, pengkaji cuba memaparkan sejarah nasionalisme Melayu Raya yang merupakan salah satu aliran nasionalisme yang pernah wujud

⁵² Abdul Rahman Haji Abdullah, 1998. *Op. cit.*, hlm.191-193.

di Alam Melayu dan menjadi pegangan para nasionalis di Nusantara terutama mereka yang dianggap beraliran kiri.

Penulis akan cuba melihat dan memaparkan bagaimana konsep 'Nusantara' ataupun 'Alam Melayu' itu menjadi amat berpengaruh dalam pemikiran dan tindakan para nasionalis berhaluan kiri ini. Konsep kehebatan Alam Melayu menyerap ke dalam pemikiran lalu menjadi falsafah perjuangan dan dijustifikasikan pula dengan tindakan politik demi mencapai sebuah 'negara idaman' (*Nation of Intent*). Sehubungan itu menjadi matlamat pengkaji untuk melihat peranan Ibrahim Haji Yaakob (IBHY) dalam memperjuangkan nasionalisme Melayu Raya menerusi pemikiran dan tindakannya.

Menjadi objektif pengkaji juga, melihat sebab-sebab kegagalan nasionalisme Melayu Raya. Konsep Melayu Raya sebagai pegangan politik memperlihatkan kemunduran pengaruhnya hari demi hari dan terus terlerai selepas beberapa dekad kemerdekaan negara. Dalam hal ini, pengkaji akan cuba memperlihatkan bagaimana pengaruh Melayu Raya beransur-ansur bertukar daripada kerjasama politik kepada kerjasama kesusasteraan dan kebudayaan sahaja.

1.3 Metode dan Kepentingan Kajian

Dalam usaha mencapai objektif kajian, pengkaji akan menggunakan kaedah kajian kepustakaan (*library research*) sesuai dengan kajian tentang sejarah

intelektual (*Intellectual History*). Penulis akan mendapatkan bahan-bahan seperti buku, tesis, majalah, artikel, kajian ilmiah dan sebagainya sebagai sumber untuk dirujuk dan dianalisis. Arkib juga merupakan institusi yang boleh dijadikan sebagai gedung sumber pengkaji bagi mendapatkan terutamanya sumber-sumber pertama (*primary resource*).

Dalam usaha menyusun maklumat mengenai tema yang dikemukakan, penulis akan menumpukan kepada sumber kedua (*secondary resource*). Karya Dawee Daweewarn bertajuk *Brahmanism in Southeast Asia (From The Earliest Time to 1445 A.D.)*, dianggap sebagai kajian yang baik dan menarik walaupun tidak menggunakan sumber-sumber yang baru atau belum diketahui. Kejayaan kajian tersebut terletak kepada penyusunan yang teliti dan sabar melalui intepretasi saintifik maklumat-maklumat yang sudahpun diketahui.⁵³

Khusus mengenai IBHY sebagai salah seorang tokoh Melayu Raya yang menjadi sebahagian daripada kajian, buku-buku beliau membantu menyediakan sumber. Sebagai seorang wartawan dan pejuang kebangsaan, IBHY juga banyak menghasilkan artikel-artikel dan buku. '*Nusa dan Bangsa Melayu*' dan '*Melihat Tanah Air*' merupakan antara buku yang telah dihasilkan oleh IBHY. *Nusa dan Bangsa Melayu*⁵⁴ dimulakan dengan penjelasan mengenai bangsa Melayu dan cita-cita Melayu Raya. IBHY menjelaskan sejarah ikatan bangsa dan bagaimana perpecahan bangsa berlaku kesan daripada penjajahan.

⁵³ Dawee Daweewarn, 1982. *Brahmanism in Southeast Asia (From The Earliest Time to 1445 A.D.)*. (Sterling Publishers Private Limited), hlm. vii.

⁵⁴ Ibrahim Haji Yaakob. 1951. *Nusa dan Bangsa Melayu* (N.V. Alma'Arif).